



Mohd Zamri naib canselor baharu UMT

Oleh **BERNAMA** - Julai 24, 2024 @ 11:18pm



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Ts Dr Mohd Zamri Ibrahim dilantik sebagai Naib Canselor universiti itu yang keenam bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Ogos lalu hingga 31 Julai 2026. - Foto ihsan FB UMT

KUALA LUMPUR: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Ts Dr Mohd Zamri Ibrahim dilantik sebagai Naib Canselor universiti itu yang keenam bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Ogos lalu hingga 31 Julai 2026.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan memaklumkan pelantikan itu bagi menggantikan Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar.

"Pelantikan beliau dilihat bakal meneruskan agenda pemerkasaan UMT sebagai peneraju utama bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik negara, sekali gus mampu memacu pembangunan ekonomi komuniti menerusi Dasar Ekonomi Biru," menurut kenyataan itu.

Mohd Zamri, 53, mendapat Ijazah Sarjana Muda dari University of Sunderland, United Kingdom pada 1995; Ijazah Sarjana dari University of Warwick, United Kingdom pada 1997 dan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2006 dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal.

Beliau memulakan perkhidmatan di UMT sejak 1998 sebagai pensyarah muda dan diberi kepercayaan memegang pelbagai jawatan pentadbiran, antaranya Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UMT pada tahun 2010 dan Pengarah Makmal Pusat UMT pada 2012.

Mohd Zamri juga pernah memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik UMT pada 2019 sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT pada 2020.

- BERNAMA